

Wajah baru letak BSN setanding bank komersial

Oleh ZUNAIDAH ZAINON

ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 16 OKT.

BANK Simpanan Nasional (BSN) mahu meletakkan kedudukannya berdiri sama tinggi setanding dengan institusi perbankan lain di negara ini.

Pengerusinya, Tan Sri Abu Bakar Abdullah berkata, BSN perlu melakukan perubahan yang signifikan dan ketara bagi membawa institusi tersebut ke tahap yang lebih tinggi malah berupaya membawa pembangunan dan keterangkuman kewangan mencapai kelas dunia.

Katanya, BSN perlu melalui satu pembaharuan secara menyeluruh bukan sahaja melibatkan perubahan imej korporat tetapi mengambil kira pelbagai aspek lain termasuk persepsi pelanggan dan hala tuju jangka panjang perniagaan.

“Kejayaan yang dicapai selama 40 tahun penubuhan BSN tidak sepatutnya dijadikan alasan untuk berada ditakuk yang sama mahupun kekal selesa dalam bidang mandat sahaja terutama sekali apabila berdepan persekitaran yang semakin mencabar,” katanya dalam Majlis Makan Malam dan pelancaran Penjenamaan Semula BSN di sini malam tadi.

Majlis tersebut dirasmikan Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah. Yang turut hadir, Ketua Eksekutif BSN, Datuk Adinan Maning.

Di bawah penjenamaan semulanya, BSN memperkenalkan visual identiti baharu dengan mengubah warna korporat kepada warna *teal*



PAKAIAN seragam baru pegawai dan kakitangan BSN yang mula digunakan di cawangan bank tersebut di Kajang, semalam. - UTUSAN/ROY AZIS ABD. AZIZ

(biru kehijauan) yang melambangkan kebolehpercayaan dan keberuntungan manakala pohon pitis sedia ada mempunyai 14 pitis yang mewakili 14 negeri di Malaysia.

Penjenamaan baharu ini akan diperkenalkan di kesemua titik sentuh pelanggan termasuk laman web, rangkaian media sosial, iklan, infrastruktur bank dan cawangan perbankan di seluruh negara secara berperingkat.


Setakat ini, BSN mempunyai 7,000 kakitangan di seluruh negara dengan 872 mesin teler automatik (ATM), 372 mesin deposit wang tunai (CDM) dan lebih 6,000 Ejen Bank di seluruh negara. BSN hingga kini mempunyai 9.1 juta pelanggan.

Sementara itu Timbalan Ketua Eksekutif (Sokongan Korporat) BSN, Siew Kin Meng berkata, tahun

depan dijangka lebih mencabar kepada industri perbankan memandangkan penyedia pinjaman bersaing untuk mendapat bahagian pasaran yang lebih besar dalam pasaran pinjaman runcit.

“Industri perbankan runcit sangat kompetitif dan turut menarik bank komersial yang lain untuk memasuki pasaran ini, BSN juga tidak terkecuali merupakan sebahagian daripada pasaran perbankan runcit,” katanya.

Menyentuh tentang pelan pengembangan bank, beliau berkata, BSN menyasarkan golongan muda dan pada masa sama, meningkatkan kemudahan untuk semua, termasuk kemudahan jalur lebar bagi menawarkan perbankan digital yang lebih baik pada masa depan.



SELAIN warna logo dan pakaian seragam, reka bentuk dalaman bank juga diberi penambahbaikan dalam program penjenamaan semula BSN seperti di cawangan Kajang. - UTUSAN/ROY AZIS ABD. AZIZ